



Bersama

Assalamualaikum w.b.t dan jutaan terima kasih kepada Dr. Hazry Desa kerana sudi meluangkan masa bersama MyUniMAP. Di sini, MyUniMAP ada beberapa soalan yang akan dikemukakan kepada Dr. bagi menyelami diri Dr. sebagai Dekan di Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan.

Semua orang sedia maklum bahawa Dr. Hazry Desa merupakan Dekan bagi Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan. Bolehkah Dr. ceritakan mengenai sejarah penubuhan PKKK dan perkembangannya sehingga kini?

Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengisi ruangan 'Bersama Dekan' untuk edisi kali ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y. Bhg. Brigedier Jeneral Dato' Profesor Dr. Kamarudin Hussin yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK).

Sebagaimana yang kita maklum, PKKK ditubuhkan sebagai sebuah pusat perkhidmatan akademik yang menawarkan kursus-kursus wajib universiti. Kursus-kursus yang ditawarkan di PKKK wajib diambil oleh semua pelajar, termasuklah aktiviti Badan Beruniform untuk pelajar Diploma dan aktiviti kokurikulum untuk pelajar Sarjana Muda. Selain itu, PKKK turut menawarkan kursus teras kepada pelajar program kejuruteraan seperti kursus Kemahiran dan Teknologi Dalam Komunikasi dan kursus Jurutera Dalam Masyarakat.

Sebelum ini PKKK tidak menawarkan sebarang program pengajian, tetapi mulai Julai 2009, PKKK akan mula menawarkan program pengajian baru iaitu Sarjana Muda Perniagaan dengan Keujian, dengan pengkhususan dalam bidang Keusahawanan Kejuruteraan. Pengambilan pertama ialah seramai 120 orang pelajar yang turut melibatkan pelajar antarabangsa dari China dan Indonesia.

Kita sedia maklum bahawa Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan adalah sebuah pusat perkhidmatan akademik. Adakah PKKK ini menawarkan apa-apa program akademik yang boleh membawa kepada penganugerahan ijazah kepada para pelajar UniMAP?

Mulai Julai 2009, PKKK akan menawarkan satu program akademik baru yang membawa kepada penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dengan Keujian (Keusahawanan Kejuruteraan). Pada masa yang sama, PKKK akan terus menawarkan kursus-kursus keperluan universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar termasuk kokurikulum tanpa mengira program akademik yang diambilnya. Selain itu PKKK turut menawarkan kursus teras kepada pelajar program kejuruteraan seperti Jurutera Dalam Masyarakat serta Kemahiran dan Teknologi Dalam Komunikasi.

Apakah kursus - kursus yang ditawarkan oleh PKKK dan adakah kursus - kursus yang ditawarkan oleh PKKK yang wajib diambil oleh para pelajar ini menepati kehendak industri dan syarikat multinasional?

Antara sifat dan ciri jurutera yang diperlukan oleh industri sama ada yang bersifat lokal, antarabangsa atau multinasional adalah kompetensi menyelesaikan masalah, berkomunikasi, berdaya kepimpinan yang tinggi, berfikir kritis dan kreatif, berupaya bekerja dalam pasukan, beretika dan profesional, berparadigma usahawan dan banyak lagi. Semua kursus wajib di PKKK saling berkait rapat dengan kehendak industri ini kerana ia memberikan kemahiran yang amat berguna untuk diaplikasikan. Misalnya kursus Kemahiran dan Teknologi dalam Komunikasi dan Bahasa Inggeris Universiti yang sememangnya dapat membantu para pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih baik dan berkesan begitu juga dengan subjek-subjek yang lain.

Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun yang baru, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti - aktiviti yang mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah aktiviti - aktiviti yang dirangka oleh PKKK sepanjang tahun 2009 ini?

Sudah semestinya, pada tahun 2009 ini, pelbagai aktiviti telah dirangka dan objektif pelaksanaan setiap aktiviti memberi fokus kepada pembangunan sendiri dan organisasi iaitu ke arah pencapaian kecemerlangan pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan serta pembangunan diri dan sahsiah.

Tirai 2009 telah dibuka dengan satu aktiviti yang akan menentukan halatuhu PKKK pada masa akan datang. Pada 13, 14 dan 15 Februari 2009 ini, semua staf PKKK akan bersamasama dalam satu program "Pemantapan Pelan Strategik PKKK" bagi membincang dan menentukan dengan lebih jelas dan terperinci setiap matlamat dan halatuhu PKKK selaras dengan Pelan Strategik UniMAP.

Pada 11 - 26 Mei 2009, PKKK akan mengadakan Kursus Asas Kaunseling dan Keusahawanan kepada semua staf akademik UniMAP, melibatkan 400 orang peserta dari kalangan staf akademik UniMAP. Kedua-dua kursus ini akan dijalankan di Bilik-Bilik Seminar di Kompleks Pentadbiran, Kechor.

Objektif pelaksanaan kursus kaunseling ialah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan kaunseling di kalangan peserta sebagai sumbangan untuk menjayakan program Rakan Pendamping Siswa (RPS) dan mendedahkan peserta kepada konsep serta proses kaunseling bagi menangani pelbagai masalah, khususnya masalah pelajar di UniMAP.

Kursus keusahawanan dilaksanakan dengan matlamat untuk memberi pendedahan kepada staf akademik (yang sebahagian besarnya dari latarbelakang kejuruteraan) tentang keperluan dan kepentingan elemen keusahawanan dan penyediaan rancangan perniagaan dalam setiap projek tahun akhir pelajar serta memberi pendedahan dan panduan kepada peserta tentang kaedah menilai rancangan perniagaan yang disediakan oleh pelajar.

Kita juga berazam untuk meningkatkan aktiviti R&D, untuk menambahkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi dan mendapatkan lebih banyak geran-geran penyelidikan dari sumber/agensi luar. Saya telah menubuhkan beberapa jawatankuasa yang akan memberi fokus kepada hal-hal yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, geran, dan penerbitan untuk memastikan aktiviti-aktiviti R&D dapat diselaraskan dan digerakkan dengan lebih aktif. PKKK juga telah menghantar cadangan kertas kerja untuk menubuhkan satu kluster penyelidikan bagi mempergiatkan aktiviti R&D di kalangan staf.

Selain itu, Insya Allah saya akan terus berusaha untuk memastikan penubuhan Pusat Pengajian Perniagaan dan Keusahawanan, Pusat Kokurikulum, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan serta Makmal Bahasa akan menjadi kenyataan pada tahun 2009 ini.

Apakah strategi atau pendekatan yang digunakan oleh Dr. bagi merealisasikan matlamat yang digariskan oleh PKKK ?

PKKK mempunyai sumber manusia yang berkelulusan dalam bidang bahasa, kemanusiaan dan sains sosial. Modal insan mereka merupakan suatu kelebihan atau 'advantage' bagi PKKK. Kompetensi semua staf sama ada secara individu atau berpasukan akan disinergikan supaya PKKK dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik seperti yang termaktub dalam falsafah penubuhannya.

Mulai tahun ini seluruh idea dan tenaga PKKK akan digembleng untuk mendokong pelan strategik UniMAP dan mencari kekuatan-kekuatan baru untuk mewujudkan nilai 'distinctive' supaya PKKK sentiasa relevan dan berdaya tahan dalam usaha menghadapi cabaran-cabaran baru dunia pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pendidikan secara keseluruhan.

Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan DR. HAZRY DESA

Apakah kelebihan yang terdapat di PKKK yang tidak terdapat di Fakulti di IPT lain?

Saya melihat PKKK sebagai satu organisasi yang mempunyai banyak kelebihan dan kekuatan. Kita ada ramai staf akademik yang berkaliber dan staf pentadbiran yang komited. Mereka datang dari pelbagai latar belakang akademik yang berbeza jurusan dan ini memberi advantage kepada PKKK. Kita mempunyai staf dari latarbelakang pengajian 'Bahasa - Melayu, Inggeris, Jepun dan Arab', ada berlatar belakangkan 'Economics, Management and Business', 'Communication, Leadership, IT', dan sebagainya. Saya sendiri dari latar belakang kejuruteraan. Yang penting bagi saya sekarang ialah bagaimana saya dapat 'coordinate' semua staf ini untuk menjadikan PKKK satu 'team' yang kuat.

Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Dr. dan kakitangan PKKK yang lain dalam melaksanakan tugas - tugas yang diamanahkan kepada PKKK dalam membantu meningkatkan UniMAP setanding dengan universiti yang lebih lama?

Masih terlalu awal untuk memperkatakan tentang kekangan di peringkat ini, bagaimanapun tentang cabaran, saya melihat penghasilan R&D yang boleh dikomersialkan sebagai satu cabaran besar bagi PKKK kerana kebanyakan bidang penyelidikan di PKKK lebih berunsurkan sosial sains yang mana fokusnya bukanlah untuk penjana wang tetapi lebih memfokuskan kepada penyelesaian untuk permasalahan di golongan 'bottom billion'.

Pada pandangan Dr., mengapakah komunikasi ini penting dan perlu ada kursus-kursus dalam program-program pengajian yang ditawarkan di UniMAP ini?

Kebanyakan ilmuan khususnya dalam bidang sains sosial, psikologi dan perubatan berpendapat bahawa tanpa komunikasi organisasi tidak wujud. Ada ilmuan mengatakan bahawa komunikasi is the life-blood of human life. Tanpa komunikasi manusia tidak mampu hidup dan organisasi tidak mungkin wujud. Manusia dan organisasi perlu berkomunikasi untuk meneruskan perjuangan dan persaingan hidup. Oleh sebab jurutera ialah manusia dan perlu hidup dalam sesuatu organisasi, maka mereka tidak terkecuali daripada hukum perlu berkomunikasi untuk melaksana tugas dan kerja.

Apa pula kaitannya keusahawanan dan bidang kejuruteraan?

Persaingan dalam kehidupan semakin sengit. Pada zaman selepas merdeka, jawatan jurutera dalam sektor kerajaan hampir tidak diisi kerana tiada calon yang berkelayakan. Selepas Dasar Ekonomi Baru berakhir didapati bahawa penawaran jawatan jurutera terbatas, khususnya semasa ekonomi dunia meleset atau merudum. Setelah belajar daripada perkembangan ini difahami bahawa kursus keusahawanan bagi para bakal jurutera menjadi lebih relevan. Jika kita dapat melahirkan para jurutera yang berparadigma usahawan, maka UniMAP tidak perlu resah dengan siswazahnya yang tidak mendapat pekerjaan. Lebih banyak yang menjadi usahawan lebih baik untuk perkembangan ekonomi negara dan 'survival' bangsa pada masa akan datang.

Institusi pengajian tinggi seperti Harvard University, Cambridge University dan Caltech teguh kerana mereka mempunyai alumni yang terdiri daripada industrialis dan ahli perniagaan yang berjaya dan pemurah. Dengan kejayaan dan kemurahan hati alumni mereka itulah universiti-universiti berkenaan dapat membina reputasi yang teguh dan dicemburui oleh beberapa banyak pihak. UniMAP mesti melahirkan siswazah seumpama ini jika mahu terus bersaing di persada antarabangsa.

Selain itu, dalam bidang kejuruteraan, keusahawanan kerap dikaitkan dengan jalan untuk mengkomersialkan dengan janyanya sesuatu produk yang dihasilkan oleh jurutera/technopreneur. Pada masa kini, projek-projek penghasilan produk secara berkumpulan melalui pendekatan 'multidisciplinary' telah dikenalpasti sebagai satu cara untuk mengukuhkan hubungan antara keusahawanan dan kejuruteraan. Projek-projek seumpama ini mampu menghasilkan produk pengguna dan

pengeluar yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran, berteraskan penggunaan teknologi dan inovasi terkini.

Apakah pandangan Dr. mengenai PKKK, maksud saya kekurangannya dan cara Dr. menanganinya (penambahbaikan)?

Seperti yang saya katakan tadi, PKKK mempunyai banyak kekuatan dan kelebihan khususnya melalui staf akademiknya. Pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan kemampuan mereka harus dimanfaatkan untuk pembangunan PKKK dan UniMAP. Saya perlu berusaha ke arah itu, dan saya harus memulakannya. Saya sentiasa ingat pepatah ini, "People listen to what you say, but they watch what you do. This is why it's important to always work harder than your employees." Sebagai Dekan, saya akan cuba melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada saya sesempurna mungkin dan saya percaya, secara bersendirian saya tidak akan dapat melaksanakannya. Hubungan yang baik dan kukuh perlu saya bina dengan staf-staf saya, dan mereka perlu diberi pengetahuan dan maklumat yang jelas tentang matlamat dan halatuzu PKKK. Dengan cara ini, setiap orang akan tahu apa peranan, tugas dan tanggungjawab mereka kepada PKKK.

Apakah yang Dr. harapkan dari PKKK untuk jangka masa 10 tahun dari sekarang?

PKKK akan mempunyai pelajar sulungnya seramai lebih kurang 120 orang mulai Julai 2009 ini. Harapan saya ialah PKKK akan terus menambahkan penawaran program pengajian akademik dan membangunkan keupayaan pelajar-pelajarnya serta melengkapkan mereka dengan pengetahuan khusus, generik dan kemahiran khusus yang diperlukan untuk menjana inovasi. Dari satu aspek lain, PKKK dan UniMAP akan terus bergerak dan berusaha untuk melahirkan lebih ramai graduan bukan sahaja dalam bidang kejuruteraan tetapi juga dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan pengurusan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran bertaraf dunia. Berbekalkan ilmu dan kemahiran bertaraf dunia, barulah graduan UniMAP boleh bersaing secara global dan setanding dengan graduan dari negara-negara maju, bak kata pepatah "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi".

Dari aspek pengurusan dan pentadbiran, saya harap dalam jangka masa 10 tahun akan datang, PKKK akan mampu menguruskan sumber-sumbernya seperti sumber manusia dan kewangan dengan lebih cekap dan berkesan. Pengurusan yang cekap sangat penting terutama dalam suasana ekonomi sekarang yang tidak menentu serta persekitaran kerja yang semakin kompleks dan mencabar. Selain itu, mulai sekarang PKKK akan berusaha untuk menarik lebih banyak dana melalui penyelidikan dan perundingan sebagai satu bentuk sumbangan kepada UniMAP dan masyarakat, khususnya di Negeri Perlis ini.